

01 JAN 1998

Mahathir-produk

RAKYAT PERLU TAHU NEGARA BOLEH KELUARKAN PRODUK BERTARAF DUNIA

Kuala Lumpur, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata rakyat Malaysia perlu mengetahui mengenai keupayaan negara dalam mengeluarkan barang-barang bertaraf dunia.

"Kita perlu menggunakan peluang dan kemudahan-kemudahan untuk mengetahui mengenai keupayaan kita sendiri (mengeluarkan barangan) supaya kita tidak berasa yang kita tidak mendapat yang terbaik apabila membeli barang-barang buatan Malaysia," katanya pada pelancaran kempen dan pameran "Sayang Malaysia Beli Produk Malaysia" di sini.

Kempen itu yang diadakan di Malaysian International Design Export Center (IDEC) di sini dianjurkan oleh Country Heights sempena dengan sambutan hari keluarganya yang ke-9.

Dalam menggesa rakyat Malaysia supaya membeli produk buatan Malaysia, Dr Mahathir berkata, "Ini bukan sebarang bentuk nasionalisme ekonomi. Ianya semata-mata kerana kita tidak mampu membeli barangan import."

Beliau mengucapkan tahniah kepada Country Heights dalam mempromosikan kempen itu dan menyeru rakyat Malaysia supaya datang melawat pameran itu.

"Dengan cara ini, anda akan membantu negara pulih dengan cepat dan apabila negara pulih kita semua akan mendapat faedah," katanya.

Dr Mahathir mengulangi tentang perlunya rakyat bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani situasi ekonomi sekarang.

"Kerajaan telah mengadakan pelan untuk mengatasi masalah ini tetapi ia memerlukan kerjasama dari semua rakyat bagi memastikan kejayaannya," katanya.

Perdana Menteri berkata tujuan mengadakan pusat di mana produk Malaysia boleh dipamerkan perlu diambil kesempatan oleh para pengeluar.

Sebelum itu,, pengarah urusan Kumpulan Syarikat Country Heights, Tan Sri Lee Kim Yew, berkata kempen itu tepat pada masanya kerana ia berkebetulan dengan usaha-usaha kerajaan mengawal aliran keluar ringgit dari negara.

Katanya kempen itu yang berlangsung selama tiga bulan akan mewujudkan peluang kepada pengeluar tempatan untuk mempamer serta juga menjual produk mereka kepada orang ramai.

Lee juga berkata Country Heights telah menubuhkan tabung dengan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi syarikat-syarikat dagangan mempromosikan industri kecil dan sederhana di negara ini.

"Kami akan menggalakkan syarikat-syarikat dagangan datang ke IDEC dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi membantu para pengeluar Malaysia memasarkan produk mereka.

"Dengan keadaan semasa di negara, produk-produk Malaysia akan menjadi kompetitif," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga melancarkan logo IDEC.

Kira-kira 6,000 tetamu yang hadir turut dihiburkan oleh persembahan oleh pelajar-pelajar tadika Country Heights yang berbakat. -- BERNAMA

NZ WAT